

Kaunseling jawapan pada masalah sosial

Wanita & Keluarga
Berita Harian d.o. 28/4/04

Oleh Halina Mohd Noor

MASALAH sosial yang semakin tenat hari ini membuktikan betapa masyarakat memerlukan bantuan dari sudut psikologi dan kaunseling. Jika 20 tahun lalu kaunseling tidak diperlukan tetapi kini tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam membantu masyarakat alaf baru. Pembangunan pesat dan kemasukan nilai yang diketakan moden mengubah struktur dan sistem sosial hari ini. Perubahan ini menimbulkan tekanan dalam diri anggota masyarakat yang akan menghalang dan mempengaruhi individu daripada menghadapi hidupnya dengan sempurna.

Jika krisis akibat tekanan yang dialami tidak dapat diselesaikan, ia bukan saja akan memberi kesan kepada individu tetapi juga membabitkan institusi keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, isu krisis perlu ditangani dengan bijak dan berkesan agar keharmonian keluarga dan masyarakat akan terpelihara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G Palanivel, berkata walaupun ada kemudahan kaunseling di negara ini namun masyarakat di sini masih belum cukup terdedah mengenai keperluan mendapatkan nasihat dan kaunseling apabila menghadapi krisis.

"Bagi kebanyakan orang, hanya orang sakit mental saja akan berjumpa kaunselor. Ini menyebabkan banyak kes yang dirujuk berada pada tahap kritikal. Sikap dan tanggapan ini perlu diubah. Masyarakat perlu dididik mengenai masalah lebih awal. Krisis yang dibiarkan tanpa penyelesaian akan menyebabkan tekanan yang terpendam sekian lama. Begitu juga dengan pelajar sekolah. Masalah tingkah laku boleh dikesan awal dan dirujuk kepada kaunselor tetapi ini tidak berlaku. Akhirnya pelajar tadi menjadi lebih ganas apabila dewasa," katanya.

Palanivel ditemui selepas majlis pelancaran Bengkel Kaunseling Ke-21 bertemakan Peranan Kaunseling Dalam Intervensi Krisis di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Bengkel dua hari itu anjuran Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia dengan kerjasama Pelajar Diploma Psikologi (kaunseling) 2003/2004. Ia bermatlamat memberi pengetahuan kepada peserta mengenai isu dalam intervensi krisis,



Bagi kebanyakan orang, hanya orang sakit mental saja akan berjumpa kaunselor. Ini menyebabkan banyak kes yang dirujuk berada pada tahap kritikal.

G Palanivel

menyedarkan peserta mengenai peranan dan tanggungjawab kaunselor dalam menangani isu intervensi, meningkatkan mutu perkhidmatan kaunseling terutamanya dalam kaunseling krisis dan memberi kemahiran dalam menangani kes intervensi.

Beliau berkata, kaunseling sebagai alat membantu masyarakat harus dibangunkan dan ditekankan terutama di kalangan guru dan ibu bapa. Mereka yang bermasalah perlu dirujuk kepada kaunselor. Misalnya di Jerman, pelajar bermasalah dari segi pelajaran atau tingkah laku akan dirujuk kepada kaunselor selepas tamat waktu sekolah. Mereka akan dihantar ke pusat terapi mental untuk dibantu.

"Bagi memastikan hasrat ini tercapai, Kementerian menganjurkan aktiviti dan latihan untuk meningkatkan kemahiran kaunselor di negara ini. Kaunseling adalah satu medium ke arah membentuk individu sihat dari segi emosi dan sebagai persediaan menghadapi krisis. Buat masa ini



Dua tugas kaunselor adalah melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menolong orang lain

Dr Suradi Salim

kita tidak ada sistem rujukan yang sempurna tetapi mereka boleh pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan bantuan. Kementerian melalui Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil akan berbincang dengan UKM dan urusetia bengkel ini untuk membangunkan pusat intervensi di sini," katanya.

Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia, Prof Dr Suradi Salim, dalam ucapan utama pada bengkel berkenaan berkata, perjalanan hidup adalah satu siri krisis yang boleh diramal dan ada kala mengejutkan. Setengah krisis disebabkan masalah perkembangan dan setengahnya pula oleh keadaan.

"Hershenson dan rakan (1996) menyatakan bahawa krisis boleh menjadi pengalaman pertumbuhan yang positif dan bukan event yang merosakkan jika individu yang mengalaminya itu mendapat pertolongan (kaunseling) mengatasi dengan jayanya semasa krisis dan menggunakannya sebagai satu pengalaman pembelajaran. Menolong



Masyarakat perlu diberi keyakinan bahawa profesion kaunseling berpontensi tinggi menyumbangkan kesejahteraan sosial negara

Sayed A Rahman

mereka yang dalam krisis boleh menjadi satu fasa penting peranan kaunselor. Dua tugas kaunselor adalah melengkapkan diri mereka dengan kemahiran untuk menangani krisis dengan lebih baik dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menolong orang lain yang berada dalam krisis," katanya.

Katanya lagi, cabaran besar bagi kaunselor ialah untuk membuka mata masyarakat mengenai peranan dan kepakaran kaunselor dalam memberikan kaunseling krisis. Ini kerana kebanyakan intervensi krisis jika ada dijalankan di negara kita dilakukan oleh orang yang biasa diberitahu sewaktu kejadian berlaku.

"Jika berlaku kejadian jenayah, rogol, rompakan; polis yang akan diberitahu. Jika berlaku bencana seperti kebakaran, banjir, kemalangan, pihak bomba, polis dan pegawai majlis tempatan yang akan diberitahu untuk memberikan pertolongan. Bagi kes kematian dan bunuh diri pula akan

dirujuk ke hospital dan pakar psikiatri di hospital akan diminta memberi pertolongan kepada individu yang mengalami krisis. Dalam kes yang lain, pemimpin tempatan atau bahkan juga bomoh yang berada di tempat kejadian untuk memberikan bantuan. Kaunselor biasanya tidak dianggap sebagai orang yang boleh memberikan bantuan," katanya.

Setiausaha Agong Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Datuk Sayed A Rahman Sayed Mohd, dalam ucapan utama kedua pada bengkel berkenaan berkata proses urbanisasi yang pesat pada kadar lebih daripada 60 peratus pada 2002 menghasilkan suatu profil kehidupan yang sememangnya terkekan dan terdedah kepada keadaan krisis. Peningkatan kes jenayah mengukuhkan lagi tanggapan bahawa proses memanusiakan pembangunan masih banyak yang perlu dilakukan. "Maklumat yang diperolehi daripada JKM, bagi tempoh 2001 hingga Mac 2003, ada sejumlah 11,696 kes juvana yang terbukti kesalahan mereka. Secara perbandingan terdapat peningkatan kes pada kadar 5.4 peratus di antara 2002 dan 2003. Di samping itu, ada sejumlah 2,609 kes penderaan yang dilaporkan kepada JKM pada tempoh yang sama. Jabatan juga mengendalikannya sejumlah 11,921 kes bantuan kanak-kanak dan 64,846 kes penerima bantuan am hingga Mac 2003. Sejumlah 122,543 kes orang kurang upaya berdaftar dengan JKM dan sebilangan besar daripada mereka memerlukan perkhidmatan sokongan," katanya.

Katanya lagi, penggubalan serta pelaksanaan Dasar Sosial Negara membuka ruang luas sekali untuk profesion kaunseling dan kaunselor berdaftar berfungsi mereka melalui pendekatan kerjasama multi sektor. Untuk tujuan ini, latihan kaunseling yang diamalkan di beberapa institusi pengajian tinggi pada masa ini perlu diseragamkan.

"Bagaimanapun jumlah kaunselor berdaftar dengan Lembaga dan Majlis Kaunselor masih rendah iaitu hanya seramai 168 orang dan yang diberikan amalan hanya 60 orang. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana setiap tahun beribu graduan menamatkan pengajian dari universiti. Tindakan proaktif perlu terutamanya oleh Lembaga dan Majlis Kaunselor bagi meningkatkan keyakinan masyarakat kepada profesion kaunseling yang berpotensi tinggi menyumbangkan kesejahteraan sosial negara," katanya.